

AL ZAMAN TIMEPIECES

***Ericko Mightgambang anak Lit¹ & Adib Syahmi Bin Hamsuddin²**

^{1,2}Faculty of Administrative Science & Policy Studies, UiTM Seremban 3, Negeri Sembilan,
Malaysia

*Corresponding author's email: erickomight1@gmail.com

1. PENDAHULUAN


Pencemaran air dan udara yang berpunca daripada aktiviti manusia memberi kesan atau impak kepada alam sekitar, dan juga kepada manusia sendiri. Masalah pencemaran ini perlu dititikberatkan oleh semua pihak bagi menjaga keseimbangan ekosistem antara keperluan manusia dan kesinambungan alam semula jadi. Pencemaran air dan udara merupakan satu daripada pencemaran yang sering terjadi di Malaysia dan tindakan yang wajar harus diambil bagi mengurangkan kesan tersebut terhadap alam sekitar iaitu “kegiatan inovasi” yang mesra alam secara meluas dan diaplikasikan dalam kehidupan seharian pengguna dan juga kilang perindustrian. Pembuangan dan pembakaran kotak terpakai dan bahan getah secara meluas seperti tayar kenderaan memberi kesan kepada alam sekitar, dan pembelian jam dinding secara kerap (selepas jam dinding rosak) menyebabkan pembaziran kepada manusia sendiri (kos) dan bahan mentah (alam semula jadi) kerana ia memerlukan sumber yang banyak untuk menghasilkannya. Inovasi perlu diaplikasikan oleh semua kilang perindustrian dan juga pengguna agar kesan atau impak dapat dikurangkan dari semasa ke semasa, dan juga kesinambungan alam semula jadi dapat dikekalkan untuk generasi pada masa yang akan datang. Penghasilan barang-barang mesra alam melalui inovasi yang diaplikasikan oleh pengguna atau mana-mana pihak yang berkaitan bukan sahaja mengurangkan kesan kepada alam sekitar, ia juga mengurangkan kos pembikinan sesuatu barang terutamanya kepada kilang perindustrian yang ingin meminimumkan kos tersebut.

2. OBJEKTIF

Objektif inovasi terhadap jam dinding ini adalah untuk mengurangkan aktiviti pembuangan bahan getah yang berleluasa yang mampu memberi kesan atau impak kepada manusia sendiri dan alam semula jadi seperti sungai dan ruangan udara. Ini kerana pembuangan dan pembakaran kotak terpakai dan bahan getah seperti tayar kenderaan terutamanya tayar motosikal yang kerap pancit atau rosak, ianya tidak akan digunakan atau dikitar semula, malah ia dibakar atau dibuang ke dalam sungai. Begitu juga dengan jam dinding, di mana ia akan dibuang oleh pengguna dan pengguna cenderung untuk membeli jam dinding baharu. Kedua-dua masalah ini perlu dititikberatkan oleh semua pengguna atau pihak yang berkaitan agar mereka sedar bahawa ia memberi manfaat kepada mereka sendiri selain memberi kebaikan kepada alam sekitar.

3. APLIKASI

Tayar kenderaan seperti motosikal digunakan sebagai ‘bingkai’ kepada jam dinding yang rosak dari segi bingkai dan cermin. Ini menjimatkan kos pengguna di mana mereka tidak perlu membeli jam dinding baharu, mereka hanya memerlukan tayar motosikal yang terpakai dan menggunakan kotak terpakai sebagai tapak untuk memasang jam tersebut. Pemasangan tayar sebagai bingkai dan penggunaan kotak terpakai sebagai tapak untuk meletak jarum jam dan juga tempat meletakkan nombor boleh dilakukan mengikut kreativiti sendiri.



4. PENUTUP

Pengunaan bahan terpakai seperti tayar motosikal dan kotak terpakai dalam membaiki jam yang rosak merupakan satu tindakan yang bijak kerana ianya boleh mengurangkan sebarang aktiviti pembuangan dan pembakaran kotak terpakai dan tayar motosikal yang dilakukan secara meluas. Pencemaran air dan udara juga dapat dikurangkan dari semasa ke semasa bagi menjaga kesihatan manusia dan juga keseimbangan alam sekitar.

RUJUKAN

- Ahmad Ismail. (2020, April 29). Ubah tayar terbang jadi hiasan. *Harian Metro*. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/572580/ubah-tayar-terbang-jadi-hiasan>
- Bin Muhammad. 2013. Kreativiti Kitar Semula – Tayar Terbang dan Terpakai. Retrieved from <http://www.relaxminda.com/2013/03/kreativiti-kitar-semula-tayar-terbang.html>
- Diyana AR. (2015, December 24). 21 Idea Kreatif Guna Semula Kotak Kasut Yang Anda Boleh Bikin Duit Daripadanya. Retrieved from <https://www.thevocket.com/21-idea-kreatif-guna-semula-kotak-kasut-yang-anda-boleh-bikin-duit-daripadanya/>
- Mohd. Rafi Mamat. (2018, December 27). Kreatifnya. *Harian Metro*. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/12/406584/kreatifnya>
- Mohad Rifaat Abd Hamid. (2021, March 25). Tayar terbang dijadikan produk hiasan rumah. *Utusan Malaysia*. Retrieved from <https://www.utusan.com.my/berita/2021/03/tayar-terbang-dijadikan-produk-hiasan-rumah/>
- Nadhie Wueen. (2016, December 28). DIY Daripada Kotak Yang Sangat Comel Dan Kreatif. Retrieved from <https://nadhiewueen.blogspot.com/2016/12/diy-daripada-kotak-yang-sangat-comel.html>
- Nor Aina Hamzah. (2020, August 21). Tayar terpakai jadi hiasan kreatif. *Kosmo*. Retrieved from <https://www.kosmo.com.my/2020/08/12/tayar-terpakai-jadi-hiasan-kreatif/>